



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**05 JUN 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **259 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **63,565 kes**. Dua (2) kes kematian direkodkan hari ini iaitu satu (1) kes di daerah Tawau dan satu (1) di daerah Kota Kinabalu. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 195 menjadikan jumlah kumulatif 60,807 orang. Seramai 1,704 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 491 orang di hospital dan 1,213 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 88 orang dan 24 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tambunan bertukar dari zon hijau ke zon kuning manakala Nabawan bertukar dari zon kuning ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 17 daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Kuning enam (6) daerah
- Zon Hijau dua (2) daerah

## Analisa Kes COVID-19 Di Sabah

- i Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan penurunan sebanyak 28 kes iaitu daripada 287 kes kelmarin (04 Jun 2021) kepada 259 kes (05 Jun 2021).
- ii Daripada 259 kes jangkitan baharu hari ini, 154 kes adalah hasil daripada saringan kontak rapat, 47 kes adalah daripada saringan kluster, 37 kes adalah daripada saringan bergejala, empat (4) kes daripada saringan bersasar dan 17 kes adalah daripada lain-lain kes.
- iii 11 daerah di Negeri Sabah mencatatkan penurunan kes. Tujuh (7) daerah mencapai penurunan kes dengan julat satu (1) angka manakala empat (4) daerah lagi menunjukkan penurunan pada julat dua (2) angka iaitu Kudat (-37), Kunak (-20), Lahad Datu (-16) dan Kinabatangan (-11).
- iv Walau bagaimanapun, terdapat 11 daerah yang mencatatkan peningkatan kes hari ini dengan lapan (8) daerah mencatatkan peningkatan kes pada julat satu (1) angka, manakala tiga (3) lagi daerah lain mencatatkan peningkatan kes pada julat dua (2) angka iaitu Sandakan 32 kes (+21), Kota Marudu 13 kes (+13) dan Penampang 17 kes (+11). Dua (2) daerah lain yang mencatatkan kes baharu pada hari ini iaitu Kuala Penyu dua (2) kes dan Tambunan satu (1) kes kekal sebagaimana jumlah kes kelmarin.
- v Pada hari ini, enam (6) daerah mencatatkan sifar (0) kes iaitu Beluran, Kinabatangan, Tongod, Pitas, Sipitang, Tenom.
- vi Trend penurunan atau peningkatan adalah tidak statik untuk Negeri Sabah. Perlu diambil perhatian bahawa hanya dua (2) daerah yang masih kekal dalam kategori Zon Hijau di Negeri Sabah. Pengurangan Zon hijau yang begitu ketara menandakan kebarangkalian berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP adalah sangat tinggi.
- vii Orang ramai digesa untuk kekal berada di rumah dan bagi mereka yang bekerja, hadkan pergerakan kerana kebergantungan penurunan kes atau jangkitan baharu adalah sangat dipengaruhi oleh sejauh mana komuniti mematuhi SOP Kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6

Terdapat **dua (2) kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Gambaron - Telupid, Sandakan** adalah kluster tempat kerja yang mencatat dua (2) kes positif baharu pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 12 kes. Kluster indeks merupakan lelaki, 32, yang bergejala demam, batuk dan sesak nafas sejak 26 Mei 2021, sebelum disahkan positif RTK-Ag di Klinik Kesihatan Telupid pada 02 Jun 2021. Saringan susulan mendapati lapan (8) kes di tempat kerja (Kg Gambaron) serta sekitar daerah Telupid dan satu (1) lagi kes di Sandakan. Berdasarkan siasatan, kes indeks dipercayai mendapat jangkitan ketika menghadiri perjumpaan sosial bersama kontak pada 22 Mei 2021 di sebuah kafe di Telupid. Selain itu, penularan kes juga disumbang oleh beberapa rakan sekerja kes indeks yang telah pulang ke kawasan berisiko tinggi (Tawau) untuk menyambut hari lebaran pada 07 hingga 16 Mei 2021. Setakat ini, 136 individu telah disaring dan aktiviti saringan serta siasatan punca jangkitan masih lagi diteruskan.
- ii **Kluster Kg Blok 31 - Tawau** berlaku ekoran aktiviti kunjung-mengunjung semasa sambutan aidilfitri. Kluster ini mula direkodkan apabila kluster indeks, suri rumah, 71, disahkan positif COVID-19 melalui saringan *Brought In Dead* (BID) di Hospital Tawau pada 27 Mei 2021. Susulan itu, saringan kontak rapat mendapati tiga (3) kes positif pada 30 Mei 2021 dan 21 kes baharu dikesan pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 31 kes. Aktiviti pengesanan kontak dan mengenalpasti punca jangkitan sedang giat dijalankan.

7

Jumlah kapasiti katil 4,086 unit

- Hospital 654 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,012 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 41.7%

## **B SOP KHUSUS UNTUK PENGURUSAN KEMATIAN DAN PENGHORMATAN TERAKHIR ORANG BUKAN ISLAM**

- 1 Kluster Pulutan Nabawan yang dikesan daripada **MAJLIS PENGHORMATAN TERAKHIR** semalam, mencatatkan peningkatan kes jangkitan yang tinggi di lokaliti berkenaan. Ia merupakan insiden kedua selepas Kluster Sinsingon Nabawan yang dilaporkan pada 22 Februari 2021.
- 2 Susulan itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri COVID-19 memutuskan untuk mengeluarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) khusus untuk Pengurusan Kematian dan Penghormatan Terakhir Orang Bukan Islam semasa Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP) 01 Jun hingga 14 Jun 2021 seperti di **LAMPIRAN A** bagi memastikan insiden tersebut tidak berulang.

## **C MASA OPERASI PERNIAGAAN DI DAERAH TAWAU DAN KALABAKAN**

- 1 Susulan dengan situasi semasa penularan wabak COVID-19 di daerah Tawau yang amat membimbangkan maka Kerajaan Negeri memutuskan untuk mengehadakan masa operasi bagi semua operasi perniagaan di daerah tersebut. Dengan mengambilkira juga situasi yang sedang berlaku di daerah Tawau, maka masa operasi bagi semua operasi perniagaan di daerah Kalabakan turut dihadkan.

Masa operasi perniagaan bagi kedua-dua daerah ini adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

- 2 Masyarakat di daerah Tawau dan Kalabakan adalah dikehendaki mematuhi masa operasi yang ditetapkan bagi mengekang penularan wabak COVID-19.

## **D PKPD APARTMENT TAMAN PERMATA, SANDAKAN**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Apartment Taman Permata, Sandakan.
- 2 KKM mengesahkan berlaku peningkatan kes yang amat ketara dalam tempoh singkat iaitu 18 kes positif telah direkodkan hasil daripada 59 ujian saringan dengan kadar positifiti 30.51%.

- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Apartment Taman Permata, Sandakan berkuat kuasa 07 Jun sehingga 20 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan ini.

## **E PKPD FELDA UMAS 4, KALABAKAN**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di FELDA Umas 4, Kalabakan.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 12 ujian saringan dan 10 daripadanya disahkan positif COVID-19 dengan kadar positifiti direkodkan ialah 83.33%.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di FELDA Umas 4, Kalabakan berkuat kuasa 07 Jun sehingga 20 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes supaya dapat diasingkan secepat mungkin.

## **F PKPD 3 PERKAMPUNGAN DI TAWAU**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di tiga (3) perkampungan dalam daerah Tawau yang melibatkan:
  - Kampung Blok 31
  - Kampung Sentosa, Blok 5, Hilltop
  - Kampung Bukit Kukusan, Tanjung Batu

- 2 Sebanyak 31 positif telah direkodkan di Kampung Blok 31 hasil saringan ke atas 75 orang penduduk, lapan (8) kes positif pula dicatatkan di Kampung Sentosa, Blok 5, Hilltop selepas 10 penduduk disaring.
- 3 Manakala, terdapat 10 kes positif di Kampung Bukit Kukusan, Tanjung Batu hasil daripada keseluruhan 27 ujian saringan dijalankan di lokaliti ini.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga perkampungan seperti dinyatakan berkuat kuasa 07 Jun sehingga 20 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

## **G PENAMATAN PKPD KAMPUNG MELIKAI, KUALA PENYU**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Melikai, Kuala Penyu yang dijadualkan tamat pada 6 Jun 2021.
- 2 Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 361 ujian saringan dan 29 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Melikai, Kuala Penyu pada 6 Jun 2021, seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

## **H PENAMATAN PKPD SILIMPOPON MILL DAN SILIMPOPON ESTATE, KALABAKAN**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Silimpopon Mill dan Silimpopon Estate, Kalabakan yang dijadualkan tamat pada 06 Jun 2021.
- 2 Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 1,193 ujian saringan dan 180 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM juga mendapati kes telah menurun dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Silimpopon Mill dan Silimpopon Estate, Kalabakan pada 06 Jun 2021 seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

## **I STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Setakat hari ini, **547** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **58,842** orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **53,049** orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **9,422** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **99,810** orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **839** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **32,151** orang.

## **J BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **338,749** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.



**K LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 121 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 57,725 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 300 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 67 hebahan melalui kereta peronda dengan satu (1) tangkapan dibuat.
  
- 2 Sebanyak 154 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - 38 orang : Tidak memakai pelitup muka/Tidak memakai pelitup separuh muka dengan betul.
  - 49 orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan.
  - 12 orang : Tidak mematuhi peraturan pergerakan.
  - Satu (1) orang : Premis beroperasi lebih masa tanpa kebenaran.
  - Tiga (3) orang : Pergerakan masuk dan keluar di kawasan PKPD.
  - Tujuh (7) orang : Tiada penjarakan sosial.
  - 39 orang : Membawa penumpang berlebihan.
  - Lima (5) orang : Lain-lain kesalahan.
  
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 103 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 47 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.
  
- 4 Laporan Kompaun Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Tiga (3) kompaun : Tidak memakai pelitup muka iaitu dua (2) di Daerah Kinabatangan dan satu (1) di Daerah Keningau
  - ii Satu (1) Kompaun : Tiada penjarakan fizikal di Daerah Telupid
  - iii Satu (1) Kompaun : Gagal melakukan imbasan suku memasuki premis di Daerah Keningau

- iv Satu (1) kompaun : Gagal merekod butiran/daftar masuk premis iaitu di Daerah Kudat.
- v Satu (1) kompaun untuk lain-lain kesalahan masing- masing di Daerah Telupid, Kudat dan Kota Kinabalu.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 349 lokasi melibatkan seramai 189 anggota APM.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 44 anggota di 37 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di sembilan (9) premis, melibatkan enam (6) buah daerah iaitu di daerah Semporna, Kinabatangan, Tuaran, Sandakan, Ranau dan Keningau.
- 8 Sejumlah 244 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tujuh (7) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 139 hebahan di seluruh Sabah

**L KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **95.7%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Tenom	97%
2	Sipitang	97%
3	Kota Belud	96.5%
4	Beluran	96%
5	Semporna	96%
6	Kota Marudu	96%
7	Keningau	96%
8	Kinabatangan	96%
9	Beaufort	96%
10	Tuaran	96%
11	Ranau	96%
12	Kudat	95.5%
13	Sandakan	95.5%
14	Kota Kinabalu	95%
15	Kunak	95%
16	Lahad Datu	95%
17	Tawau	95%
18	Papar	95%
19	Penampang	95%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**



## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

### SOP KHUSUS UNTUK PENGURUSAN KEMATIAN DAN PENGHORMATAN TERAKHIR ORANG BUKAN ISLAM (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 01/06/2021 - 14/06/2021

AKTIVITI	TEMPOH AKTIVITI / KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<p><b>SEMASA SI MATI BERADA DI RUMAH KEDIAMAN</b></p> <p>Tidak melebihi tiga(3) hari untuk penghormatan terakhir sebelum pengebumian</p>	<p><b>6 pagi hingga 6 petang.</b></p> <p>Tempoh masa aktiviti melawat dan memberi penghormatan terakhir tidak melebihi <b>5 minit</b> (di dalam rumah)</p> <p><b>10 orang</b> ahli keluarga dengan mengambil kira ruang rumah dan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.</p>	<p>Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran.</p> <p>Menyediakan meja di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan, menggunakan <i>hand sanitizer</i> dan rekod kehadiran.</p> <p>Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan <i>hand sanitizer</i> atau sabun dan air.</p> <p>Kerap melakukan pembersihan dan disinfeksi permukaan yang kerap disentuh di rumah kediaman</p> <p>Proses penghormatan terakhir dibenarkan tidak melebihi <b>3 orang</b> (termasuk tuan rumah) setiap masa. Pelawat dikehendaki <b>beratur mengikut giliran</b> dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter</p> <p>Pelawat perlu segera bersurai dengan tertib selepas memberi penghormatan terakhir</p> <p>Ahli keluarga / pelawat terdiri daripada warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun <b>tidak digalakkan</b> hadir.</p>	<p>Pematuhan SOP diwajibkan</p> <p><b>Objektif</b> kedatangan pelawat memberi penghormatan terakhir ialah</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memberi sumbangan / derma</li> <li>2. Sembahyang (berdoa)</li> </ol> <p>Pelawat bersurai segera dalam keadaan tertib.</p>	<p>Ahli keluarga / pelawat bersalaman dan bersentuhan</p> <p>Ahli keluarga / pelawat yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas</p> <p>Pelawat berkumpul diluar rumah (10 ahli keluarga dikecualikan)</p> <p>Majlis makan minum dirumah</p> <p>Aktiviti sosial komuniti</p> <p>Perkongsian makan minum dan alat sembahyang.</p>

Tarikh dikemaskini: 05 Jun 2021



## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

### SOP KHUSUS UNTUK PENGURUSAN KEMATIAN DAN PENGHORMATAN TERAKHIR ORANG BUKAN ISLAM (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 01/06/2021 - 14/06/2021

AKTIVITI	TEMPOH AKTIVITI / KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<b>SEMASA SI MATI BERADA DI RUMAH KEDIAMAN</b>  Tidak melebihi Sepuluh(10) hari untuk aktiviti sembahyang di rumah kediaman	<b>7 malam hingga 9 malam (tidak melebihi 2 jam)</b>  <b>10 orang</b> ahli keluarga dengan mengambil kira ruang rumah dan penjarakan fizikal.	Memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan <i>hand sanitizer</i> atau sabun dan air  <b>Aktiviti sembahyang</b> hanya dibenarkan untuk <b>ahli keluarga</b> sahaja dalam tempoh tidak melebihi 10 hari  Ahli keluarga terdiri daripada warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun <b>tidak digalakkan</b> hadir.	Pematuhan SOP diwajibkan  Hanya aktiviti sembahyang di kalangan ahli keluarga dibenarkan.	Ahli keluarga bersalaman dan bersentuhan  Ahli keluarga yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas  Aktiviti sosial komuniti.

Tarikh dikemaskini: 05 Jun 2021



## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

### SOP KHUSUS UNTUK PENGURUSAN KEMATIAN DAN PENGHORMATAN TERAKHIR ORANG BUKAN ISLAM (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 01/06/2021 - 14/06/2021

AKTIVITI	TEMPOH AKTIVITI / KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<p><b>SEMASA SI MATI BERADA DI FUNERAL PARLOUR</b></p> <p><b>Tidak melebihi tiga(3) hari</b> untuk penghormatan terakhir sebelum pengebumian</p>	<p><b>7 pagi hingga 6 petang.</b></p> <p>Tempoh masa melawat dan memberi penghormatan terakhir tidak melebihi <b>5 minit</b> (di dalam <i>funeral parlour</i>)</p> <p><b>10 orang</b> ahli keluarga dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.</p>	<p>Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran.</p> <p>Menyediakan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan, menggunakan <i>hand sanitizer</i> dan rekod kehadiran.</p> <p>Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan <i>hand sanitizer</i> atau sabun dan air.</p> <p>Kerap melakukan pembersihan dan disinfeksi permukaan yang kerap disentuh</p> <p>Proses penghormatan terakhir dibenarkan tidak melebihi <b>3 orang</b> (termasuk tuan rumah) setiap masa. Pelawat dikehendaki <b>beratur mengikut giliran</b> dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter</p> <p>Pelawat perlu segera bersurai dengan tertib selepas memberi penghormatan terakhir.</p> <p>Ahli keluarga / pelawat terdiri daripada warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun <b>tidak digalakkan</b> hadir.</p>	<p>Pematuhan SOP diwajibkan</p> <p><b>Objektif</b> kedatangan pelawat memberi penghormatan ialah</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memberi sumbangan / derma</li> <li>2. Sembahyang (berdoa)</li> </ol> <p>Ahli keluarga / pelawat perlu bersurai segera dan dalam keadaan tertib.</p>	<p>Ahli keluarga / pelawat bersalaman dan bersentuhan</p> <p>Ahli keluarga / pelawat yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas</p> <p>Pelawat berkumpul di persekitaran <i>funeral parlour</i></p> <p>Majlis makan minum</p> <p>Perkongsian peralatan sembahyang.</p>

Tarikh dikemaskini: 05 Jun 2021

## MASA OPERASI PERNIAGAAN DI DAERAH TAWAU DAN KALABAKAN

BIL	JENIS PERNIAGAAN	MASA OPERASI
1	Restoran, <i>cafe</i> , kedai makan, gerai makan, kenderaan bersaji ( <i>food truck</i> ), penjaja, medan selera, kedai serbaneka, perkhidmatan penghantaran ( <i>delivery</i> ) makanan, pembelian makanan secara bawa pulang ( <i>take away</i> ) dan pandu laju ( <i>drive thru</i> )	9.00 pagi hingga 5.00 petang
2	Pasar Awam / Pasar Harian	9.00 pagi hingga 5.00 petang
3	<p>Premis-premis berikut <b>DIBENARKAN</b> beroperasi dengan memastikan pematuhan SOP yang ditetapkan:</p> <p>a. Kompleks membeli belah <b>DITUTUP kecuali</b> hanya premis, pasar raya, pasar raya besar dan <i>departmental store</i> yang mempunyai seksyen makanan dan minuman, keperluan asas, kedai farmasi, penjagaan diri, kedai serbaneka, <i>mini mart</i> dan restoran untuk bawa pulang dan penghantaran ke rumah;</p> <p>b. Pasar raya, pasar raya besar, kedai farmasi, penjagaan diri, kedai serbaneka, <i>mini mart</i> dan kedai runcit serta <i>departmental store</i> <b>dibuka TERHAD kepada</b> seksyen makanan, minuman dan keperluan asas sahaja;</p> <p>c. Restoran, gerai-gerai serta <i>outlet</i> makanan;</p> <p>d. Dobi (termasuk layan diri);</p> <p>e. <i>Other Speciality Retail Store</i> (stesen minyak)</p> <p>f. Kedai penjagaan haiwan dan makanan haiwan;</p> <p>g. Kedai cermin mata dan barang optik;</p> <p>h. Kedai <i>hardware</i>;</p>	9.00 pagi hingga 5.00 petang

	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan alat ganti;</li> <li>j. E-dagang (semua kategori produk);</li> <li>k. Pemborongan dan pengedaran (semua kategori produk perkhidmatan perlu sahaja);</li> <li>l. Kedai elektrik dan elektronik;</li> <li>m. Kedai buku dan alat tulis;</li> <li>n. Pusat pengedaran dan penjualan kereta;</li> <li>o. Kedai peralatan sembahyang dan pengebumian;</li> <li>p. Pusat khidmat cucian kereta; dan</li> <li>q. Kedai menjual telefon, <i>handphone</i> dan membaiki telefon.</li> </ul>	
4	<p><b>PERDAGANGAN PENGEDARAN:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kompleks membeli belah <b>DITUTUP kecuali</b> hanya premis, pasar raya, pasar raya besar dan <i>departmental store</i> yang mempunyai seksyen makanan dan minuman, keperluan asas, kedai farmasi, penjagaan diri, kedai serbaneka, <i>mini mart</i> dan restoran untuk bawa pulang dan penghantaran ke rumah;</li> <li>2. Pasar raya, pasar raya besar, kedai farmasi, penjagaan diri, kedai serbaneka, <i>mini mart</i> dan kedai runcit serta <i>departmental store</i> <b>dibuka TERHAD kepada</b> seksyen makanan, minuman dan keperluan asas sahaja;</li> <li>3. Restoran, gerai-gerai serta outlet makanan;</li> <li>4. Dobi (termasuk layan diri);</li> <li>5. <i>Other Speciality Retail Store</i> (stesen minyak)</li> <li>6. Kedai penjagaan haiwan dan makanan haiwan;</li> <li>7. Kedai cermin mata dan barang optik;</li> <li>8. Kedai <i>hardware</i>;</li> </ol>	9.00 pagi hingga 5.00 petang



- |   |  |
|---|--|
| <ol style="list-style-type: none"><li>9. Bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan alat ganti;</li><li>10. E-dagang (semua kategori produk);</li><li>11. Pemborongan dan pengedaran (semua kategori produk perkhidmatan perlu sahaja);</li><li>12. Kedai elektrik dan elektronik;</li><li>13. Kedai buku dan alat tulis;</li><li>14. Pusat pengedaran dan penjualan kereta;</li><li>15. Kedai peralatan sembahyang dan pengebumian;</li><li>16. Pusat khidmat cucian kereta; dan</li><li>17. Kedai menjual telefon, <i>handphone</i> dan membaiki telefon.</li></ol> |  |
|---|--|